

Transaksi bank perlu patuhi ciri keselamatan

SHAH ALAM - Bank Negara Malaysia (BNM) mengeluarkan garis panduan dan surat pekeliling kepada institusi kewangan supaya mempertingkatkan keselamatan akaun bank oleh pengguna kewangan.

Sinar Harian difahamkan, antara keperluan ditetapkan dalam garis panduan itu adalah memastikan supaya setiap

transaksi perbankan mematuhi ciri keselamatan seperti keperluan pengesahan transaksi oleh pelanggan dan penghantaran notifikasi selepas transaksi dijalankan.

Turut ditetapkan dalam garis panduan itu ialah langkah menukar khidmat pesanan ringkas (SMS) *one-time password* (OTP) kepada kaedah pengesahan

yang lebih selamat.

Selain itu, institusi kewangan juga perlu memastikan peranti pelanggan dikemas kini dan berada dalam keadaan yang selamat sebelum aktiviti perbankan dapat dijalankan secara dalam talian.

Pada masa sama, turut dimasukkan dalam garis panduan tersebut ialah keperluan mengikat peranti atau '*device*


binding' kepada profil pelanggan untuk mengelakkan data daripada dicuri dan dieksploitasi oleh scammer.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi *Sinar Harian* juga, BNM turut menetapkan keperluan memantau percubaan penipuan dalam sistem perbankan dengan menggunakan sistem pengesahan penipuan automatik.

Kerjasama tangani isu 'scammer'

Turut dikeluarkan garis panduan kepada institusi kewangan

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI dan MUHAMMAD AMNAN HIBRAHIM SHAH ALAM



Perkongsian secara berkala BNM, institusi kewangan dan PDRM bagi mengenal pasti kaedah dan trend jenayah kewangan terkini digunakan oleh scammer.

Bank Negara Malaysia (BNM) telah melaksanakan beberapa langkah bersama pihak berkuasa antaranya Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan institusi kewangan dalam negara bagi menangani isu kes penipuan dan scammer.

Sinar Harian difahamkan, antara langkah diambil ialah pelaksanaan perkongsian secara berkala dengan pihak berkenaan bagi mengenal pasti kaedah dan trend jenayah kewangan terkini digunakan oleh scammer.

Melalui sesi tersebut juga, kerjasama dalam aspek teknikal serta penerangan maklumat telah dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan bersasar.

BNM juga telah mengeluarkan garis panduan kepada institusi kewangan bagi melaksanakan usaha wajar pelanggan

ketika pembukaan akaun bank serta secara berterusan bagi akaun bank sedia ada.

Kata seorang pegawai BNM yang enggan dinamakan, garis panduan itu meliputi langkah memprofil risiko pelanggan secara berkesan, serta mengenal pasti kewujudan suatu penipuan kewangan melalui petunjuk 'red flags' sedia ada.

Dalam pada itu, BNM turut mengeluarkan surat pekeliling kepada institusi kewangan bagi menggesa pelaksanaan usaha penambahbaikan bagi memastikan keberkesanan ke atas proses

sedia ada.

Surat pekeliling itu merangkumi gesaan kepada institusi kewangan bagi menyediakan saluran komunikasi yang efektif dan jelas antara institusi kewangan serta mangsa penipuan kewangan untuk membolehkan mereka mengambil langkah perlu termasuk menghubungi PDRM untuk membantu penyiasatan terhadap aduan dilakukan.

"Pelanggan institusi kewangan juga perlu diberi jaminan bahawa siasatan terperinci dan proses tebus rugi akan dilaksanakan secara adil dalam jangka masa yang munasabah.

"Di samping itu, institusi ke-

“

Pelanggan institusi kewangan juga perlu diberi jaminan bahawa siasatan terperinci dan proses tebus rugi akan dilaksanakan secara adil dalam jangka masa yang munasabah.”

wangan turut digesa melaksanakan langkah-langkah tambahan bagi melindungi mangsa penipuan kewangan daripada terus mengalami kerugian seperti menggantung sementara perkhidmatan perbankan dalam talian dan menjalankan pemeriksaan peranti mudah alih agar bebas daripada serangan 'malware' dengan persetujuan pelanggan," katanya.

Di samping itu, surat pekeliling itu turut menggesa kerjasama berkesan dalam kalangan institusi kewangan bersama agensi penguatkuasaan undang-undang untuk membolehkan siasatan dan tindakan dalaman menyeluruh dapat dilaksanakan.

Ia termasuk dalam mengenai sekatan sementara berdasarkan terma dan syarat pembukaan akaun ke atas akaun berkaitan bagi membolehkan penilaian secara menyeluruh da-

pat dilaksanakan sambil memastikan wang daripada aktiviti penipuan ataupun aktiviti jenayah lain tidak dikeluarkan daripada akaun tersebut.

"Seterusnya, surat pekeliling itu juga berkaitan dengan gesaan meningkatkan keberkesanan program kesedaran pelanggan terhadap aktiviti penipuan," katanya.

Dalam pada itu, BNM turut menyediakan saluran untuk orang ramai membuat aduan kepada Ombudsman untuk Perkhidmatan Kewangan sekiranya terdapat pertikaian terhadap keputusan siasatan pihak institusi kewangan termasuklah membabitkan kes kehilangan wang dalam akaun bagi transaksi tidak dibenarkan.

Pada masa sama, kerjasama rapat BNM bersama polis juga dalam membanteras jenayah kewangan turut membabitkan sokongan teknikal bagi pengoperasian platform perkongsian maklumat dan komunikasi kendalian Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK), PDRM iaitu CCID Scam Response Centre.

Ketua Polis Selangor, Datuk Arjunaidi Mohamed pada April lalu memaklumkan PDRM menghadapi keangan untuk bertindak dengan lebih pantas bagi menangani jenayah penipuan dan 'scam' akibat ekoran daripada birokrasi yang diamalkan oleh bank.

